



PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 9.

BANDAR BRUNEI, 3 MAY, 1961. (18 Zulkaedah 1380).

PERCHUMA.

TUGAS JAWATANKUASA PERANCHANG

BANDAR BRUNEI. — Suatu Jawatan Kuasa Peranchang dibawah Jema'ah Kemajuan Negara telah di-bentuk di-Brunei untuk menyiasat dan mengkaji perkembangan ranchangan2 kemajuan yang telah di-jalankan dan yang di-ranchangkan bagi negeri ini. Pendapat jawatan kuasa itu akan di-laporkan kepada Jema'ah Kemajuan Negara dengan sa-chepat mungkin untuk di-pertimbangkan.

Jawatan kuasa itu telah di-tubuhkan mengikut shor sa-orang pakar ekonomi, Dr. J.S. Gould, dari Bangsa2 Bersatu yang telah sampai di-Brunei dalam bulan February lepas untuk mengkaji samula ranchangan2 kemajuan yang telah di-shorkan bagi negeri ini.

Ahli2 jawatan kuasa itu mengandongi Menteri Besar (pengurus), Setia Usaha Kerajaan (setiausaha), Penasihat Peranchang Ekonomi dan pegawai2 kerajaan atau orang2 luar daripada perkhidmatan kerajaan yang akan di-lantek kelak.

SEBAB PENTING

Sebab penting yang menghadkan ahli2 jawatan kuasa itu kepada suatu bilangan yang kecil ialah kesukaran hendak mendapat pegawai2 yang berpengalaman luas di-negeri ini.

Sa-lain dari itu suatu jawatan kuasa yang kecil ada-lah di-fikirkan akan lebih chekap menjalankan tugas-nya dari sa-buah jawatan kuasa yang mengandongi ahli2 yang ramai.

Sungguh pun demikian jawatan kuasa itu, mengikut sharat2 penubuhan-nya, di-benarkan "melantek siapa jua dalam atau luar daripada perkhidmatan kerajaan yang di-fikirkan layak oleh Jema'ah Kemajuan Negara menjadi ahli Jawatan Kuasa Peranchang."

PERSETUJUAN

Jema'ah Kemajuan Negara telah juga memberi persetujuan bahawa sa-kira-nya Menteri Besar tidak ada kesempatan, oleh sebab2 yang mustahak, hadir dalam meshuarat Jawatan kuasa itu, Setia Usaha Kerajaan akan mengerusikan meshuarat-nya.

Kuasa penoh Jawatan Kuasa Peranchang itu ada-lah saperti berikut:

Pegawai baharu

BANDAR BRUNEI — Tuan B. Pringle tidak lagi memegang Jawatan Pegawai Pepereksaan di-Jabatan Pelajaran, Brunei mulai 1 May. Tempat-nya ada-lah di-ganti oleh Inche' Kifli bin Bujang.

◆ Menyedia dan menyemak ranchangan kemajuan sesuai dengan negeri ini untuk susulan kepada dan pertimbangan Jema'ah Kemajuan Negara.

◆ Meminta dari pegawai2 kerajaan dan orang2 luar daripada perkhidmatan kerajaan, butir2 bahan dan ma'aluman2 yang berharga dan berguna bagi maksud ranchangan.

◆ Melantek siapa jua dalam atau luar daripada perkhidmatan kerajaan yang di-fikirkan layak oleh Jema'ah Kemajuan Negara menjadi ahli Jawatan Kuasa Peranchang.

◆ Meminta pegawai2 kerajaan atau orang2 luar daripada perkhidmatan kerajaan supaya hadir dan menchampori meshuarat perbincangan dan rundingan jawatan kuasa peranchang.

ISTIADAT HARI IBU BAPA



Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamed Salleh kelihatan bersama pegawai2 Pejabat Pelajaran dan penghulu Kampung Sungai Besar dalam temasha hari ibu bapa sekolah Melayu Sungai Besar.

Doctor2 baharu dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang doktor dari Malaya ada-lah di-jadualkan sampai di-sini tidak lama lagi untuk menggantikan doktor2 Pejabat Perubatan Negara yang telah menghantar rayuan kepada kerajaan hendak berhenti dari perkhidmatan.

Dari hujung bulan ini sehingga bulan July empat orang doktor di-jangka akan berhenti dari jawatan.

Dalam bulan August sa-orang doktor lagi mungkin berhenti. Sa-lepas itu sa-orang doktor yang akan habis tempoh perkhidmatan-nya dalam bulan November 1962 mungkin berhenti juga.

Pegawai Perubatan Negara Dr. Abdul Wahab bin Ariff berkata

bahawa tiga orang dari doktor2 yang di-jangka sampai dari Malaya itu akan tiba di-sini dalam minggu ini.

Pengambilan doktor2 baharu dari Malaya itu ia-lah untuk menyenangkan ranchangan penyusunan sa-mula perkhidmatan doktor2 Pejabat Perubatan supaya pejabat itu menjadi pejabat perubatan yang chekap sa-kali di-Tenggara Asia kelak.

DUA WAKIL D. Y. M. M. HADHIRI ISTIADAT

BANDAR BRUNEI. — Dua orang wakil Kerajaan Brunei telah berangkat ka-Negeri Sembilan, Persekutuan Tanah Melayu pada 14 April lepas kerana menghadhiri istiadat pertabalan Yang Maha Mulia Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Munawir ibni Almarhum Tuanku Abd. Rahman menjadi Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang kesembilan, yang berlangsung di-Seri Menanti.

Wakil2 Kerajaan itu ialah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Dato Paduka Muhammad dengan di-iringi oleh Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Awang Haji Md. Yusuf dan Yang Di-Muliakan Pehin Perdana Indera Haji Zainal.

SAMBUTAN HARI IBU BAPA

BANDAR BRUNEI. — Bulan lepas dan bulan ini telah ditetapkan oleh Pejabat Pelajaran bagi sekolah2 Melayu di-seluruh negeri menyambut hari ibu bapa yang di-adakan tiap2 tahun itu.

Beberapa buah sekolah telah mengadakan hari ibu bapa mereka dalam bulan lepas. Hari ibu bapa itu di-sambut dengan mengadakan temasha kemamaian disamping mempertunjukkan kebolehan murid2 dalam lapangan pelajaran.

Pertunjukan pertukangan tangan, sandiwar murid2 dan sa-umpama-nya juga di-adakan pada hari ibu bapa.

Antara sekolah2 yang telah menjunjukkan hari ibu bapa dalam bulan lepas ia-lah Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamalul Alam dan Sekolah Melayu perempuan Raja Isteri Fatimah di-Bandar Brunei.

6 istiadat menyampaikan perisai2 johan kedatangan

BANDAR BRUNEI. — Enam istiadat menyampaikan perisai johan kedatangan yang di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia kepada sekolah2 Melayu dalam negeri ini telah di-langsungkan pada bulan yang lalu oleh wakil2 Duli Yang Maha Mulia.

Empat istiadat tersebut telah di-langsungkan pada 16 April, manakala satu istiadat pada 21 April dan satu lagi pada 23 April.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah menyampaikan perisai2 tersebut kepada Darjah Enam F, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam pada pagi 16 April dan kepada Sekolah Melayu Lela Menchanai pada petang hari itu.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis telah menyampaikan perisai kedatangan tersebut kepada Sekolah Melayu Puni, Daerah Temburong pada pagi 16 April.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Safar pula telah menyampaikan perisai itu kepada Sekolah Melayu Danau, Daerah Belait pada petang 16 April.

Pada pagi 21 April, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Dato Paduka Haji Mohamad Salleh telah menyampaikan kurniaan perisai kedatangan dari Duli Yang Maha Mulia kepada Sekolah Melayu Sungai Besar, Bahagian Brunei pada pagi 21 April.

Pada pagi 23 April, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Kamis telah menyampaikan perisai kedatangan kurniaan Duli Yang Maha Mulia kepada Sekolah Melayu Keriam, Daerah Tutong.

Ini-lah tahun yang kedua berturut2 Sekolah Melayu Keriam memenangi perisai tersebut.

Dalam istiadat menyampaikan perisai di-sekolah Melayu Sungai Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar telah berucap menggesa murid2 supaya belajar bersungguh2.

Dengan pelajaran dapat-lah mereka itu kelak menjadi pemimpin di-negeri ini kata Yang Amat Mulia itu.

Istiadat menyampaikan perisai itu telah di-sulamkan dalam temasha hari ibu bapa bagi sekolah itu. Murid2 telah mempertunjukkan hasil pertukangan tangan mereka dan mengadakan sandiwara.

Turut hadir dalam istiadat itu ialah Pemangku Pegawai Pelajaran Negara, Inche Noordin bin Latif dan Nazir sekolah2 Melayu Brunei, Inche Yusof bin Tahir.

Dalam ucapan-nya Inche Noordin telah membayangkan puas hati Jabatan Pelajaran Brunei tentang kemajuan pelajaran di-sekolah itu.

"Kerajaan akan memberi pertimbangan untuk mendirikan dalam tahun hadapan sa-buah sekolah bagi menggantikan bangunan yang telah di-bena oleh penduduk2 kampung ini," kata Inche Noordin.

Sekolah Sungai Besar itu baharu sahaja sa-tahun lebeh didirikan. Sekarang ia mempunyai 46 orang murid laki2 dan perempuan yang di-bahagikan kepada tiga buah darjah.



Wakil2 murid2 darjah VIF, sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei, dengan sa-buah dari beberapa buah perisai johan kedatangan, kurniaan Duli Yang Maha Mulia yang di-rebutkan oleh kumpulan2 sekolah di-seluruh negeri.

Tarikh chuti

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah di-tutup sa-lama 10 hari mulai dari 21 April sa-bagai kelepasan penggal yang pertama.

Penggal yang kedua sekolah2 Melayu di-seluruh negeri ini di-mulai 1 May hingga 31 August, 1961.

Ranchangan Hari Ibu Bapa sekolah Melayu Katimahar

KATIMAHAR. — Sekolah Melayu Katimahar, akan mengadakan sambutan Hari Ibu Bapa mulai besok hingga hari Sabtu 6 May.

Pada pukul 8 malam besok sekolah tersebut akan mengadakan peraduan membaca al-koran.

Pada pagi hari Jumaat akan di-adakan temasha sokan dan pada sebelah malam pula akan di-adakan "Malam Ria".

Temasha sambutan tersebut akan tamat pada malam 6 May dengan di-adakan persembahan "Malam Aneka Warna" oleh penduduk2 Kampung Katimahar.

Permainan pancharagam

BANDAR BRUNEI. — Pancharagam Pulis Brunei telah di-jadualkan untuk bermain dalam bulan May ini di-tempat2 dan waktu2 yang berikut:

Bandstand (Bandar Brunei), 7 May pukul 7 petang; Bandstand (Seria), 14 May pukul 7 petang; Padang Pulis Sengkuring, 18 May pukul 5.30 petang dan Bandstand Bandar Brunei, 21 May pukul 7 petang.



Murid2 sekolah Melayu Sungai Besar beratur di-atas pentas mengalu2kan kedatangan wakil Duli Yang Maha Mulia sebelum mengadakan sandiwara hari ibu bapa sekolah itu.

SHARAT2 BERKHIDMAT DALAM ASKAR MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI.—Kira2 60 orang pemuda Melayu Brunei akan di-pilih tidak lama lagi untuk di-jadikan anggota pasukan permulaan bagi Askar Melayu Brunei yang telah di-persetujui penuhi-bahan-nya oleh kerajaan.

Permohonan memasoki askar itu ada-lah di-jemput dari pemuda2 pang berkelayakan dan borang2 permohonan boleh di-dapati dari pejabat2 kerajaan termasuk Pejabat Penerangan Brunei di-Bandar Brunei.

Pemuda2 yang di-pilih itu kelak akan di-hantar ka-pusat latihan tentera Persekutuan Tanah Melayu di-Port Dickson untuk mendapat latihan dan akan balek ka-Brunei sa-bagai askar sa-telah tamat latihan.

Mereka itu akan di-tempatkan di-perkemahan Askar Melayu Brunei yang mungkin di-dirikan di-Muara atau Jerudong.

Sharat2 perkhidmatan dengan Askar Melayu Brunei itu sudah pun di-tetapkan. Peratoran2 itu telah di-ranchangkan oleh beberapa orang pegawai tinggi Askar Melayu Diraja dari Persekutuan yang telah datang ka-Brunei baharu2 ini.

Antara2 sharat2 perkhidmatan dengan Askar Melayu Brunei itu ia-lah:

Tempoh perkhidmatan dalam Askar Melayu Brunei ia-lah selama 5 tahun dalam perkhidmatan tentera biasa di-ikuti oleh perkhidmatan sa-lama 5 tahun dalam tentera simpanan.

PEGAUAI BERTAULIAH

Sa-orang Pegawai Yang Bertauliah akan di-lantek untuk satu tempoh yang tidak terhad kecuali bahawa dalam perkara2 yang tertentu, Tauliah2 perkhidmatan pendek untuk sa-lama 3 atau 5 tahun buat permulaan akan di-beri.

Ransum ada-lah di-beri dengan perchuma kepada pegawai2 dan seldadu2. Apabila ransum tidak di-beri berupa barang2, maka satu alon wang tunai akan di-beri yang mana pada mulanya ia-lah sa-banyak \$1.95 sehari, tetapi terta'alok kepada perubahan dari sa-masa ka-sa-masa.

Gaji dan alon2 sa-bagai tambahan kepada pakaian dan ransum yang di-beri dengan perchuma, sa-orang seldadu mendapat gaji yang berikut:

◆ Sa-orang seldadu apabila di-ambil berkhidmat dan sa-hingga dia tamat latihan sa-lama 6 bulan ada-lah di-bayar \$160 sa-bulan, dari yang mana \$100 sa-bulan tidak boleh di-ambil oleh-nya tetapi di-masokkan ka-dalam kira2-nya sa-masa seldadu itu sedang dalam latihan

seldadu baharu di-Malaya.

◆ Kadar2 gaji pokok dan Alon2 Negeri Brunei/Seberang Laut bagi seldadu2 mengikut pangkat2-nya sa-lepas tamat latihan sa-lama 6 bulan ada-lah berjumlah \$84.24 bagi private tahun pertama hingga \$302.76 bagi warrant officer II.

Sa-orang pegawai pelatex akan mendapat satu gaji pokok sa-banyak \$242 sa-bulan dan satu alon Negeri Brunei/Seberang Laut sa-banyak \$48 sa-bulan.

2ND LIEUTENANT

Sa-orang 2nd Lieutenant akan menerima gaji pokok sa-banyak \$360 sa-bulan dan alon Brunei/Seberang Laut sa-banyak \$72 sa-bulan.

Kenaikan gaji dan alon ada-lah di-beri kepada pegawai2 apabila di-naikkan pangkat dan sa-lepas tiap2 dua tahun menyandang pangkat masing2.

Alon kahwin ada-lah di-bayar kepada sa-orang seldadu yang telah beristeri dengan jalan sah dan siapa menanggung isteri-nya, dengan sharat dia membayar sa-bahagian dari gaji pokok-nya untuk nafkah keluarga-nya sa-banyak yang boleh di-tetapkan oleh Peratoran2.

Sa-orang seldadu mesti-lah juga telah mencapai umur 19 tahun dan telah berkhidmat sa-lama 6 bulan buat permulaan perkhidmatan-nya sa-belum ia-nya berhak mendapat alon kahwin.

Alon kahwin adalah di-bayar juga kepada pegawai2 mengikut keadaan2 yang sama.

Kadar2 alon kahwin yang di-bayar terus kepada isteri seldadu ada-lah dari \$31 (di-beri tempat tinggal) atau \$51 (tidak

di-beri tempat tinggal) bagi private dan lance corporal hingga \$88 atau \$113 bagi Warrant Officer Class 1.

ALAON KAHWIN

Kadar2 alon kahwin bagi pegawai2 pelatex ada-lah buat permulaan sa-banyak \$126 sa-bulan di-naikkan hingga \$130 sa-bulan bagi Lieutenant Colonel ka-atas.

Chuti yang bergaji akan di-beri saperti berikut:—

◆ Chuti Tahunan sa-lama 30 hari sa-tahun;

◆ Satu tambahan sa-lama 14 hari bagi seldadu2 apakala tamat latihan bagi seldadu2 baharu;

◆ Chuti Sakit sa-bagaimana yang di-sokong oleh sa-orang doktor yang di-benarkan

◆ Semua tambang menambang tatakala menjalankan kewajipan atau pergi balek ka-tempat kediaman sa-orang seldadu apakala dalam percutian yang di-benarkan ada-lah di-beri dengan perchuma. Dalam perkara chuti

tahunan tambang perchuma ada-lah di-beri juga kepada isteri dan sa-hingga 3 orang anak seldadu itu. Akan tetapi seldadu2 yang sedang dalam latihan di-seberang laut tidak akan berhak

untuk mendapat tambang perchuma di-luar negeri yang mereka sedang berkhidmat, kecuali bagi masa chuti antara lawatan.

Untuk mendapat pertimbangan bagi memasoki Askar Melayu Brunei sa-orang pemohon hendak-lah:

◆ Di-peranakkan dalam negeri dari salah satu puak jati Bangsa2 Melayu ia-itu Belait, Bisayah, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut atau Tutong.

◆ Telah mencapai umur 18 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun pada masa masok berkhidmat. Sa-orang pemohon untuk menjadi pegawai yang bertauliah mesti-lah telah mencapai umur 17½ tahun untuk di-lantek menjadi sa-orang pegawai pelatex.

◆ Mesti-lah 62 inci tinggi dan berat badan-nya 105 paun.


◆ Lulus sa-kurang2-nya darjah V sekolah Melayu atau darjah yang sa-rupa dalam sekolah Inggeris atau lain2 sekolah.

◆ Sa-orang pemohon hendak menjadi pegawai yang bertauliah hendak-lah mempunyai darjah pelajaran yang sa-habis rendah sa-bagaimana yang di-tetapkan dari sa-masa ka-samasa.



Penuntut2 Brunei yang sedang belajar di-United Kingdom telah merayakan Hari Raya Idilfitri tahun ini dengan mengadakan jamuan ringan yang di-hadiri oleh para tetamu khas bertempat di-Londonderry House, Marble Arch, London, pada 18 March malam yang lalu.

Gambar menunjukkan sa-kumpulan penuntut2 Brunei bergambar sa-telah selesai jamuan hari raya dengan para2 jemputan, yang di-adakan oleh Persatuan Penuntut2 Brunei. Penuntut2 itu telah sembahyang Hari Raya di-Mesjid Working, Surrey pada 19 March yang lalu.



Tiga buah sekolah Melayu di-Bandar Brunei ia-itu SMJA, RIF dan SMLM telah bersekutu dalam bulan lepas dalam ranchangan bersama menyambut hari ibu bapa sekolah2 itu. Sa-lain dari mengadakan pertunjukan pertukangan tangan dan lain2 permainan sekolah2 itu telah mengadakan peraduan lumba perahu di-Sungai Brunei

Harga dagangan

BANDAR BRUNEI.— Harga dagangan dalam minggu lepas ada-lah perti berikut:

Lada putih \$156.20 sa-pikul, lada hitam \$134.20 sa-pikul, bunga sawang \$47.09 sa-pikul dan getah 91 sen sa-paun.

KEMAJUAN PELAJARAN MELAYU

NEGERI BRUNEI

Beberapa buah sekolah baru telah di-bina terutamanya di-bawah ranchangan lima tahun yang di-lancarkan pada tahun 1953. Sa-lain dari membina sekolah2 baharu sekolah2 lama telah di-perbaiki banguan-nya di-bawah ranchangan itu.

Sungguh pun Awang Mujitaba telah mengatakan bahawa sekolah telah terdiri di-Brunei pada tahun 1912 tetapi dari segi pertadbiran sekolah Melayu Kerajaan yang pertama di-dapati di-negeri ini ia-lah dalam tahun 1914 kerana penyata tahun itu berkata, "sa-belum itu sekolah itu bertempat di-mesjid."

Pembinaan sa-buah sekolah telah di-ura2kan dalam tahun 1911 saperti yang dapat dipastikan dari penyata tahun itu:

PERSEDIAAN2

"Persediaan2 telah di-buat untuk membuka sa-buah sekolah pada awal tahun yang akan datang. Ada-lah sangat susah hendak mendapat sa-orang yang pandai membaca dan menulis antara orang2 Melayu Brunei dan oleh yang demikian orang2 Melayu dari lain2 negeri telah terpaksa di-ambil bekerja."

Kenyataan berkenaan dengan sekolah tidak terchatet dalam penyata tahun 1912 dan 1913. Harus-lah di-fikirkan bahawa sekolah yang di-ranchangkan dalam tahun 1911 itu belum lagi di-buka. Tetapi penyata tahun 1914 berbunyi:

"Ada sa-buah sekolah di-Bandar Brunei dengan 40 orang murid. Sa-belum itu sekolah itu bertempat di-mesjid tetapi dalam bulan October di-pindahkan ka-sabua bangunan yang di-gunakan oleh Pejabat Monopoli."

Perkembangan sekolah dalam masa empat tahun yang berikutan sangat perlahan kerana dalam tahun 1918 hanya ada empat buah sekolah sahaja. Bilangan itu tidak berubah sehingga tahun 1923 kerana bilangan sekolah2 baharu yang telah di-dirikan ada-lah sama banyak-nya dengan sekolah2 lama yang telah di-tutup oleh sebab kekurangan murid.

MULA BERTAMBAH

Dalam tahun itu sekolah2 telah di-dirikan di-Bandar Brunei, Tutong, Muara dan Belait. Jumlah murid2 sekolah2 itu ia-lah 175 orang.

Tetapi bilangan sekolah telah mula bertambah dengan keadaan yang deras sa-lepas tahun 1929 apabila suatu undang2 telah di-luluskan memerlukan ibu bapa menghantar anak2 mereka yang berumur dari 7 hingga 14 tahun ka-sekolah. Dalam tahun itu pendaftaran murid2 di-sekolah2 dalam ka-

Dalam Pelita Brunei keluaran 1 March, 1961 sa-orang bekas guru sekolah Melayu Brunei, Awang Mujitaba bin Dato Imam Haji Mokti telah menghuraikan serba sedikit tentang usaha kerajaan hendak mengembangkan pelajaran Melayu di-negeri ini semenjak tahun 1912.

Awang Mujitaba ia-lah sa-orang dari dua orang guru Melayu yang berkhidmat di-sekolah Melayu yang pertama di-buka di-Brunei pada masa itu.

Perkembangan pelajaran di-Brunei sa-bagaimana yang telah di-ketahui dari penyata2 tahunan yang di-terbitkan oleh kerajaan tiap2 tahun itu sangat mundur dan pada masa pechah perang dunia kedua 20 tahun dahulu hanya ada beberapa buah sekolah sahaja di-negeri ini.

Pelajaran di-Brunei ada-lah satu perkara yang baharu mendapat sambutan ramai dan perkembangan-nya telah dapat di-laksanakan dari hasil yang berlelehan dari pengeluaran minyak yang telah di-pulehkan sa-mula sa-telah tamat perang dunia kedua.

wasan Bandar Brunei telah bertambah dari 12 kapada 455 orang.

Menjelang hujung tahun 1930 sembilan buah sekolah telah terdiri di-seluruh negeri dengan pendaftaran-nya berjumlah 688 orang termasuk beberapa orang murid2 perempuan.

Murid2 perempuan itu terpaksa di-pisahkan dari murid2 laki2 dan dalam tahun yang

Sekolah2 pada masa itu berupa bangunan2 yang burok dan murid2-nya berjumlah kurang dari 100 orang bagi sa-buah sekolah jika di-hitong panjang.

MENGKAGUMKAN

Perkembangan pelajaran telah mengagumkan dalam beberapa tahun yang baharu-lepas ini. Pada masa ini ada 55 buah sekolah Melayu, 3 sekolah

tengah2 dari sekolah2 Melayu pula mempunyai lebih dari 1,000 orang murid datang belajar pada pagi dan petang hari.

Dari kanak2 laki2 yang dalam garisan umur sekolah ada-lah di-anggarkan bahawa hampir 100 peratus menjadi murid tetapi hanya 50 peratus lebih kurang sahaja dari kanak2 perempuan di-dapati di-sekolah.

MEMBERHENTIKAN

Kekurangan murid2 perempuan di-sekolah ia-lah akibat dari kelaziman ibu bapa Melayu memberhentikan anak2 perempuan mereka dari sekolah sa-telah mereka itu di-fikirkan besar untuk di-lateh di-rumah menjadi sa-orang isteri kelak. Gadis2 Melayu kebanyakan-nya berhenti sekolah apabila berumur 15 atau 16 tahun dan di-beri bersuami tidak lama sa-lepas itu.

Sungguh pun demikian perimbangan bilangan murid2 laki2 dengan perempuan sa-tahun demi sa-tahun makin rapat semenjak sekolah perempuan yang pertama di-buka dalam tahun 1930. Perimbangan itu ia-lah 11.1% dan 36.9% dalam tahun 1958. Pada awal tahun ini angka



Sekolah2 baharu telah di-bina di-bawah ranchangan kemajuan lima tahun yang di-lancarkan pada tahun 1953. Sekolah ada hampir 60 buah sekolah Melayu yang sa-akan2 bangunan sekolah Melayu Bandar di-atas ini di-dapati di-seluruh negeri ini. Satengah2 sekolah itu mempunyai lebih 1,000 orang murid laki2 dan perempuan.

berikutan sekolah perempuan yang pertama pun di-buka di-Bandar Brunei dengan murid2-nya berjumlah 24 orang. Tetapi sekolah ini telah di-tutup tidak lama kemudian dan di-buka sa-mula dua tahun sa-lepas itu dengan 13 orang murid.

Brunei jauh ka-belakang dalam usaha2-nya hendak mengadakan kemudahan pelajaran sa-hingga pechah perang dengan Jepun. Pada masa itu ada 24 buah sekolah dengan pendaftaran-nya berjumlah 1,434 orang laki2 dan 312 orang perempuan.

menengah kerajaan yang menggunakan bahasa Inggeris, 7 buah sekolah misi yang menggunakan bahasa Inggeris, 8 buah sekolah China, sa-buah sekolah pertukangan yang di-kekelolakan oleh sharikat minyak Brunei Shell dan sa-buah sekolah permulaan khas untuk anak2 pekerja sharikat minyak Brunei Shell di-Seria yang menggunakan bahasa Inggeris dan Belanda sa-bagai bahasa pengantar-nya.

Bilangan murid2 ia-lah hampir 17,000, daripada hampir 10,000 orang laki2 dan perempuan di-sekolah Melayu. Sa-

perimbangan murid2 perempuan dengan laki2 ada-lah lebih dari 50%.

Pada hujung tahun 1956 sa-bahagian dari bangunan sekolah menengah perempuan bahasa Inggeris telah di-buka di-Brunei dan bagi kali pertamanya murid2 perempuan yang belajar bersama murid2 laki2 di-Sultan Omar Ali Saifuddin College di-Bandar Brunei telah di-asingkan untuk belajar di-sekolah perempuan itu.

Oleh sebab makin lama makin ramai murid2 peringkat permulaan tamat sekolah perse-

(Lihat muka 6)

Majlis perkhidmatan kaum beri bantuan

KUALA BELAIT. —Majlis Perkhidmatan Kaum Daerah Kuala Belait telah memberi bantuan wang kepada 14 orang tua dan orang2 yang menganggor dalam tahun lepas dengan menderma sa-banyak \$3,875.

Dalam penyata tahunan majlis itu yang telah di-luluskan dalam mesuarat agong-nya di-sini baharu2 ini majlis itu telah juga memberi dermasiswa berjumlah \$3,271 kepada beberapa orang murid di-sekolah2 St. Michael, St. Angela dan Anthony Abell College, Seria.

Dermasiswa itu berharga sa-hingga \$200 sa-tahun dan mungkin di-teruskan pembayaran-nya supaya pelajar2 itu dapat menamatkan persekolahan mereka sa-hingga darjah menengah.

Antara tugas2 penting majlis itu ia-lah mengelolakan rumah orang tua di-Seria yang sekarang boleh di-diami oleh 60 orang.

"Untuk menjalankan tugas ini kerajaan telah bersetuju menderma sa-banyak \$20,000 sa-tahun," kata penyata itu.

Majlis itu juga bertanggung jawab tentang menguruskan gerakan pemuda pemudi di-Daerah Belait yang mempunyai sa-buah bangunan club di-Seria dengan 100 orang pemuda pemudi menjadi ahli-nya.

Majlis itu telah juga memberi bantuan kepada pehak yang ber-

kuasa rumah sakit Kuala Belait berkenaan dengan menentukan orang2 yang akan menderma darah bila2 di-kehendaki dan suatu jawatan kuasa khas telah

di-bentok untuk membuat rayuan kepada orang ramai.

"Sambutan dari pegawai2 kerajaan sangat memuaskan tetapi kaki tangan gudang2 perniagaan nampak-nya ragu2 lagi menyambut rayuan itu," kata penyata tersebut.

Saperti tahun2 yang sudah majlis itu telah memberi bantuan kepada badan2 kebajikan dan sukan dalam tahun lepas. Bantuan itu berjumlah \$4,380.

Mesuarat agong itu telah di-adakan di-Kuala Belait Recreation dan di-pengerusikan oleh Tuan P.A. Coates.

27 PELATEH PULIS BRUNEI TAMAT LATEHAN DI-MALAYA

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh tujuh orang anggota pulis yang baharu dari negeri ini telah balek dari Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini.

Mereka telah tamat berlateh di-Pusat Latehan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur sa-lama delapan bulan.

Tujuh belas orang daripada mereka itu pada masa ini berkhidmat di-Daerah Belait dan lain-nya di-Ibu Pejabat Pulis di-Bandar Brunei.

Turut balek ka-Brunei bersama dengan anggota2 pulis yang baharu itu ia-lah Sarjan Awangku Omar bin Pengiran Apong.

Sarjan Awangku Omar telah berangkat ka-Kuala Lumpur bersama2 dengan Kopral Mohamed Yusof pada tahun lepas dan sa-masa di-sana Sarjan Awangku Omar telah menjaga pelateh2 pulis tersebut.

Kopral Mohamed Yusof masih berada di-Kuala Lumpur.

Pada masa ini 20 orang ang-

gota pulis yang baharu dari Brunei sedang berlateh di-Kuala Lumpur.

Mereka telah berangkat kasa pada bulan April yang lalu dengan di-ketuai oleh Kopral Ismail bin Zainal.

5 PELATEH DAPAT HADIAH

BANDAR BRUNEI. — Lima daripada 27 orang anggota pulis Brunei yang telah tamat berlateh di-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini telah berjaya memenangi hadiah2 dalam berbagai2 lapangan.

Ibrahim bin Abdullah telah mendapat hadiah tongkat kehormatan sa-bagai pelateh yang terbaik sa-kali di-antara pelateh2 pulis dari Brunei di-Pusat Latehan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu.

Lain2 pelateh yang mendapat hadiah yang pertama, ia-itu piala perak adalah saperti di-bawah ini:

Latehan gerakan badan —Awangku Kamaludin bin Pengiran Haji Abdul Rahim, gerakan badan; Baris dan gunaan senapang —Awangku Bakar bin Pengiran Metusin, baris dan senapang; —Puteh bin Mohamed latehan di-padang dan Bagol bin Idris, tembakan pistol.

Pertukaran anggota pasokan

BANDAR BRUNEI. — Inche Mahmood bin Haji Nasir, A.S.P. dari pasokan Pulis Diraja Persekutuan Tanah Melayu telah tiba di-Brunei baharu2 ini untuk memegang jawatan Pegawai Pemerintah pasokan Pulis Diraja Persekutuan di-Daerah Belait.

Beliau telah menggantikan Inche Mohamed Noh bin Ahmad, A.S.P. yang telah balek ka-Persekutuan Tanah Melayu.

Pesuruh Jaya Pulis Brunei, Tuan A.N. Outram, berkata bahawa 87 orang pegawai dan anggota pulis Persekutuan termasuk Inche Mohamed Noh yang telah berkhidmat sa-lama sembilan bulan di-negeri ini telah balek ka-Persekutuan baharu2 ini.

Sa-bagai ganti-nya bilangan pegawai2 dan ahli2 pulis yang sama saperti rakan2 mereka yang telah balek itu telah pun tiba di-Brunei untuk berkhidmat di-Kuala Belait.

Pegawai2 dan anggota2 pulis yang baharu itu telah tiba di-negeri ini bersama keluarga mereka dengan menaiki kapal2 terbang khas.

Tiga buah kapal terbang jenis Dakota telah berulang alek dari Kuala Lumpur ka-Japangan terbang Anduki untuk membawa dan mengambil balek anggota2 pulis itu.

Brunei makin banyak gunakan minyak petrol dan diesel

SERIA. — Menurut angka2 yang di-umumkan oleh Sharikat Brunei Shell baharu2 ini bahawa dalam tahun 1960 Negeri Brunei telah menggunakan minyak petrol dan disel sa-banyak 6.3% lebih banyak daripada yang di-gunakan dalam tahun 1959.

Dalam masa sedikit hari lagi, Kilang Pengolah Gas di-Seria

akan mengeluarkan hasil-nya yang ke-3½ juta gelen minyak petrol Shell yang berchampur dengan bahan I.C.A. yang semuanya di-buat di-tempatan. Sa-chara hitong-panjang sa-banyak 4,200 gelen dari minyak petrol ini ada-lah di-hantar ka-Bandar Brunei tiap-tiap hari.

Semenjak bulan July, 1959, apabila Kerajaan Brunei membenarkan kereta-tangki yang berat2 menggunakan Jalan Raya Seria — Bandar Brunei maka semua minyak petrol yang di-jual di-dalam Negeri Brunei, telah di-buat dari minyak mentah Seria di-Kilang Pengolah Gas yang di-sebutkan itu.

Dari jumlah hampir 3½ juta gelen minyak petrol yang di-keluarkan sa-takat ini, lebih 2 juta gelen daripada-nya telah di-hantar ka-Bandar Brunei dan Tutong, manakala sa-lebih-nya di-gunakan dalam Daerah Belait.

Sa-lain dari minyak petrol, Kilang Pengolah Gas di-Seria juga mengeluarkan minyak disel untuk kegunaan di-seluruh Negeri Brunei. Dalam masa yang sama hampir 2½ juta gelen telah di-keluarkan, dari jumlah itu lebih 1½ juta gelen di-bawa oleh kereta-tangki untuk kegunaan di-Bandar Brunei.



Penduduk2 kampung yang berdekatan dengan Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei telah membanjiri kawasan mesjid itu pada hari Rabu dan Khamis yang lalu kerana memungut ikan di-lundang mesjid tersebut.

Sa-banyak kira2 10 pikul ikan telah mati dan timbul dengan tiba2 pada pagi hari Rabu dan Khamis.

Ikan2 itu telah terkurung kira2 dua tahun semenjak lundang itu siap di-bena. Sebab ikan2 itu timbul dan mati tidak di-ketahui tetapi sa-belum peristiwa itu hujan lebat telah turun. Ada kemungkinan bahawa ayer tawar itu telah mengganggu kesihatan ikan2 yang biasa dalam ayer masin.

Untuk mengetahui sama ada ikan2 itu mati di-sebabkan kena tuba atau lain2, sedikit dari ayer dan dua tiga ekor ikan dari lundang itu telah di-bawa ka-Jabatan Pertanian untuk di-periksa.

Lapangan terbang 6,300 kaki panjang

BANDAR BRUNEI.—Kapal2 terbang besar yang biasa-nya turun di-lapangan terbang Berakas kerana mengambil dan menurunkan penumpang2 telah di-pesongkan ka-Labuan sa-lama dua hari pada 16 dan 17 April lepas.

Langkah itu telah di-ambil kerana menjaga keselamatan kapal2 terbang itu dalam masa kerja memperbaiki pelanchar lapangan terbang itu di-jalankan.

Kerja itu telah siap pada 18 haribulan dan kapal2 terbang itu telah di-benarkan turun di-Berakas seperti biasa.

Berikutan dengan kejayaan membaiki lapangan terbang itu Pemangku Pengawal Penerbangan Awam Brunei, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail mengumumkan:

"Lapangan terbang itu telah puleh seperti biasa dan padang pelanchar-nya telah di-tambah

sa-jauh 500 kaki menjadikan padang pelanchar itu 6,300 kaki panjang-nya."

Padang pelanchar yang sa-panjang itu ada-lah di-fikirkan menchukupi untuk menerima kedatangan kapal2 terbang yang lebih besar dari jenis2 yang menggunakan lapangan itu pada masa ini.

Padang pelanchar itu ia-lah juga yang panjang sa-kali antara padang2 pelanchar lapangan terbang di-negeri2 British Borneo.

DARJAH2 PERSEDIAAN MASOK UNIVERSITI DI-ADAKAN

(Dari muka 4)

diaan telah di-buat untuk menagadakan pelajaran menengah supaya mereka boleh di-hantar kelak ka-maktab2 di-seberang laut dan universiti2 bagi mendapatkan kelulusan tinggi yang sangat2 di-kehendaki dari pemuda pemudi negeri ini.

Penyata tahunan Negeri Brunei tahun 1954 berbunyi:

PENYUSUNAN

"Tahun ini mungkin dapat di-chatetkan sa-bagai permulaan yang sa-benar-nya bagi pelajaran menengah perengkat rendah di-Brunei. Dengan sampai-nya enam orang pegawai2 pelajaran dari United Kingdom berbagai2 penyusunan sa-mula telah di-jalankan di-sekolah2 kerajaan dan tahun 1955 ia-lah tahun pertama bagi Brunei mengadakan chalun2-nya sendiri memasoki pepereksaan menengah luar negeri bahagian rendah.

"Sharikat minyak Brunei Shell telah menawarkan sa-hingga tarikh ini sa-banyak 32 dermasiswa untuk pelajar2 memasoki sa-barang sekolah menengah yang terkenal. Kebanyakan dari pemenang2 dermasiswa itu telah berlepas ke-seberang laut untuk melanjutkan pelajaran mereka."

Penyata itu berbunyi lagi:

"Satu kerumitan telah timbul berkenaan dengan mendapatkan tempat2 di-sekolah2 menengah seberang laut bagi pelajar2 private pelajar2 kerajaan."

Tetapi kerumitan itu telah dapat di-atasi kerana pemuda pemudi yang telah lulus pepereksaan menengah perengkat rendah dalam tahun 1955 itu

telah meneruskan pelajaran mereka di-Brunei sa-hingga mereka memasoki pepereksaan senior Cambridge tiga tahun kemudian dalam tahun 1957, ia-itu kali pertama-nya Brunei mengadakan chalun2-nya sendiri memasoki pepereksaan tersebut.

UNIVERSITI2

Sa-telah itu Brunei pun mengadakan darjah2 post certificate untuk memberi pelajaran kepada murid2 yang hendak memasoki pepereksaan ka-maktab2 seberang laut dan universiti2.

Kemajuan pelajaran di-sekolah2 Melayu tidak pula ketinggalan. Darjah2 menengah perengkat rendah telah juga diadakan di-beberapa buah sekolah2 Melayu yang besar di-negeri ini.

GAMBAR HARI IBU BAPA



Murid2 sekolah perempuan Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei, memerhatikan contoh tulisan tangan rakan2 mereka yang di-pamerkan dalam temasha hari ibu bapa sekolah itu.

LARANGAN WAYANG GAMBAR PADA SIANG HARI JUMA'AT

BANDAR BRUNEI. — Panggong2 wayang gambar di-Bandar ini akan di-tutup pada siang hari Juma'at supaya tidak mengganggu orang2 Islam dari menunaikan fardhu Juma'at.

Keputusan ini telah di-ambil oleh Lembaga Bandaran dalam meshuarat bulanan yang baharu lalu di-sini berikutan dengan satu desakan daripada Pejabat Hal Ahwal Ugama Brunei kepada kerajaan.

Pada hari Jumaat panggong2 wayang gambar akan di-benarkan bermain sa-lepas pukul 7 petang tidak pada 6.30 seperti yang sudah2.

Dalam meshuarat itu lembaga itu telah juga mengambil keputusan hendak menyediakan tong2 sampah di-tepi jalan2 raya yang selalu di-gunakan oleh murid2 sekolah.

Tujuan menyediakan tong2 sampah itu ia-lah supaya uras2 kertas dan lain2 barang yang tidak di-kehendaki di-buangkan di-atas jalan oleh murid2 itu.

Dalam meshuarat itu beberapa usul telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin mengenai peratoran2 menjual barang2 di-pasar.

Tawaran kerja buroh kasar di-Brunei

KUALA BELAIT.—Beberapa kerja sa-bagai buroh kasar sedang di-tawarkan oleh majikan kepada penduduk2 negeri ini yang tidak mempunyai sa-barang kerja dengan gaji \$4 hingga \$7 bagi pekerja2 yang ber-kelayakan.

Dalam satu kenyataan Tuan Petherick berkata:

"Ada lagi kerja2 yang mungkin kosong yang tidak boleh di-dapati dengan segera kerana kerja2 itu telah di-penohkan buat sementara oleh orang2 dari luar negeri."



Majlis Meshuarat Negeri Brunei telah mengadakan persidangan-nya di-bangunan Lapau Diraja (di-atas) sa-hingga bulan December lepas. Keputusan telah di-ambil untuk majlis itu bersidang di-dewan Civic Centre pada masa hadapan dan bangunan Lapau Diraja itu di-jadikan Pejabat Pegawai Hal Ahwal Ugama Brunei.

Keputusan perlumbaan jalan kaki Muara/Brunei DALAM MASA 3 JAM 12 MINIT

BANDAR BRUNEI. — Awangku Othman bin Pengiran Ismail dari Jabatan Perkhidmatan Pos di-Bandar Brunei telah berjaya memenangi gelaran johan perlumbaan berjalan kaki antara lelaki bahagian "Senior" sa-jauh enam belas batu dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei, dengan mengambil masa tiga jam dan dua belas minit.

Perlumbaan itu telah diadakan di-bawah anjoran Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei pada pagi hari Ahad yang lalu.

Sa-ramai 320 orang lelaki dan perempuan daripada 354 orang yang telah mendaftarkan nama masuk berlumba telah sampai di-tempat penghabisan di-Bandar Brunei.

Perlumbaan antara bahagian lelaki itu ia-lah dari Pekan Muara ka-Bandar Brunei, manakala bahagian wanita pula ia-lah dari Sekolah Melayu Su-

nantang pertama ia-lah 1 jam dan 34 minit.

Hadih2 kepada peserta2 yang menang dan juga kepada mereka yang berjaya sampai di-tempat penghabisan telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara.

Perlu di-sebutkan bahawa ahli2 dari Pasokan Palang Merah dan

perlumbaan tersebut.

Sa-lain dari itu sharikat2 perniagaan tempatan telah bermurah hati menghadiahkan minuman2 Bovril, Ovaltine dan "Seven Up" kepada para peserta tersebut.

Masa yang di-ambil oleh pemenang2 pertama dalam perlumbaan berjalan kaki dari Muara dan Sungai Hanching ka-Bandar Brunei pada hari Ahad yang lalu ia-lah seperti di-bawah ini:

Muara ka-Bandar Brunei—16 batu:

Senior — Awangku Othman bin Pengiran Ismail — 3 jam 12 minit.

Veteran — Sa'id bin Bagol — 3 jam 52 minit.

Junior — Joseph Chin — 3 jam 17 minit.

Sungai Hanching ka-Bandar Brunei—8 batu:

Wanita—Lorraine Short — 1 jam 34 minit.

KERETA MENDAKI PANTAS BUKIT

JERUDONG. — Perlumbaan kereta2 mendaki bukit di-Jerudong telah di-adakan baharu2 ini di-bawah anjoran Klab Motor Negeri Brunei. Keputusan perlumbaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Kereta2 sports : 1. P. Morrison dan 2. B.A. Esson.

Kereta2 ka-bawah 1,000 c.c. : 1. G.S. Mathews, 2. A. Ker-Lindsay dan 3. P. Then.

Kereta2 yang lebih dari 1,000 c.c. : 1. J.R. Elton, 2. J.J. Altorf, 3. P.M. Linton dan J.J. Hillen.

Perlumbaan mendaki bukit terbuka kepada bahagian wanita : 1. Puan Altorf, 2. Puan A. Ker-Lindsay, dan 3. Puan E. Hill.

K.B.R.C. kalah perlawanan kerana perisai McKerron

SERIA. — Jabatan Kerja Raya telah mengalahkan Seria Recreation Club/Panaga dengan 7 gol berbalas 3 dalam pertandingan bola sepak Perisai McKerron di-padang Panaga baharu2 ini.

Awangku Ismail telah menjaringkan empat gol, manakala Samad, Mahmud dan Kasim menjaringkan satu gol sa-saorang bagi pasukan Jabatan Kerja Raya.

Pemain2 kedua pasukan tersebut telah bermain dengan chukup

chergas pada sa-panjang masa pertandingan tersebut dengan kesudahan pada sa'at yang akhir pertandingan itu Jabatan Kerja Raya mendapat lima gol dan begitu juga pasukan champoran S.R.C./Panaga memperoleh lima gol.

Untuk menentukan kemenangan pertandingan itu di-teruskan sa-lama sepuluh minit lagi.

Dalam masa yang hebat itu, Jabatan Kerja Raya telah berhasil menjaringkan dua gol yang memberi kemenangan kepada pasukan itu.

Meskipun pasukan champoran S.R.C./Panaga telah berikhtiar membuat serangan yang hebat ka-dalam kubu pertahanan J.K.R., akan tetapi oleh kerana pemain2 J.K.R., menjaga dengan kuat kubu pertahanan mereka, maka pemain2 S.R.C./Panaga telah tidak berjaya menjaringkan gol2 yang mereka tunggukan itu.

Piala Wernham

SERIA. — Klab Melayu Shell telah menang satu pertandingan hokey dan kalah dalam satu lagi pertandingan hokey Piala Perak Wernham di-sini sedikit hari dahulu.

Klab tersebut telah mengalahkan Panaga dengan 9 gol berbalas 2 dalam satu pertandingan.

Dalam pertandingan yang lain pula klab tersebut telah di-kalahkan oleh Jabatan Kerja Raya. J.K.R. mendapat 4 gol dan K.M.S. mendapat 1 gol.



Sa-telah sepele jalan kebanyakan para peserta yang berlepas bersama dari Muara telah kechichiran di-belakang. Gambar ini menunjukkan pemuda2 yang handal dalam perlumbaan itu.

ngai Hanching ka-Bandar Brunei sa-jauh delapan batu.

Keputusan perlumbaan tersebut ia-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian "Senior": 1. Awangku Othman bin Pengiran Ismail. 2. Masri Haji Lahid. 3. Hanin Abdul Samad. 4. Mohamed Nasir Yassin. 5. Apang Laman dan 6. Essau. Masa yang di-perolehi oleh pemenang pertama ia-lah 3 jam 12 minit.

Bahagian "Veteran": 1. Sa'id bin Bagol. 2. Charlie Keasberry. 3. Haji Tersad bin Mail. 4. Mohammed bin Tali. 5. Haji Nawang Ali dan 6. Ali bin Samad. Masa yang di-perolehi oleh pemenang pertama ia-lah 3 jam dan 52 minit.

Bahagian "Junior": 1. Joseph Chin. 2. Ibrahim Mohamed. 3. Abu Bakar bin Edin. 4. Zulkifli Besar. 5. Awangku Ali bin Pengiran Hidup dan 6. Awangku Momin bin Pengiran Tajudin. Masa yang di-perolehi oleh pemenang pertama ia-lah 3 jam dan 17 minit.

Bahagian Wanita sa-jauh delapan batu: 1. Lorraine Short. 2. Mary Chia. 3. Asnah Zaidi. 4. Anne Mary Short. 5. Enrica Short dan 6. Zaidah Omar. Masa yang di-perolehi oleh peme-

juga anggota2 dari Rumah Sakit juga telah memberi berbagai pertolongan chemas kepada peserta2 yang mengambil bahagian dalam

Pasokan2 dalam pertandingan akhir perisai McKerron

KUALA BELAIT — Jabatan Kerja Raya akan menemui Klab Melayu Shell dalam pertandingan akhir bola sepak untuk merebutkan Perisai McKerron.

Pertandingan yang hebat itu akan di-adakan di-Padang Kuala Belait Recreation Club pada hari Jumaat 5 May.

Pengambilan ahli baharu

BANDAR BRUNEI. — Empat puluh orang anggota baharu akan di-kehendaki oleh pasukan Polis Brunei dalam tahun ini untuk menambah kekuatan pasukan itu.

Pemilihan akan di-jalankan tidak lama lagi.

Pesuruh Jaya Polis Brunei, Tuan A.N. Outram berkata bahawa anggota2 baharu yang di-pilih akan di-hantar ka-Kuala Lumpur untuk mendapat latihan di-pusat latihan Polis Diraja Persekutuan Tanah Melayu.

Terlebih dahulu pertandingan tersebut di-jadual hendak di-adakan pada hari Sabtu yang lalu. Oleh kerana suatu sebab yang tidak dapat di-elakkan maka pertandingan itu akan di-adakan pada hari Jumaat hadapan.

Dalam satu pertandingan sa-paroh akhir, Jabatan Kerja Raya telah mengalahkan Klab Dayak Shell dengan tujuh gol tidak berbalas.

Klab Melayu Shell yang telah berjaya memasuki pertandingan akhir telah mengalahkan Kuala Belait Recreation Club dengan dua gol tidak berbalas dalam satu lagi pertandingan sa-paroh akhir.

Latehan "Pony Express" di-Borneo Utara

BANGKOK — Pertubuhan Perjanjian Tenggara Asia rengkasnya SEATO telah mengadakan latehan pendaratan tentera yang di-beri nama "Pony Express" yang di-anjorkan oleh Britain dan Amerika Sharikat mulai dari 14 April hingga 7 May, 1961.

Latehan ini ada-lah latehan yang ketiga dalam satu siri bagi tahun 1961 yang telah di-persetujui oleh penasihat2 tentera dan di-sahkan oleh Majlis Menteri2 yang bersidang di-Washington dalam bulan May, 1960.

Latehan ini termasuk-lah pengangkutan tentera dan menyatukan pasukan2, perjalanan menuju ka-matalamat, menyerang dan mendarat dan gerakan tentera di-pantai sa-lepas pendaratan.

GERAKAN MELAWAN

Di-sapanjang2 latehan tersebut gerakan2 melawan kapal2 selam dan kapal2 terbang sa-chara tegas telah di-lancharkan. Bantuan2 perbekalan di-tengah2 jalan serta latehan2 konvoi atau susunan pelayaran kapal juga di-adakan sa-chara besaran2. Serangan2 menggunakan helikopter2 dan perahu2 pendarat telah juga di-lancharkan.

Tembakan2 dari laut dan bantuan2 serangan udara telah di-lancharkan tatkala mendarat. Penentangan2 dari udara dan kapal2 selam telah di-kenakan supaya latehan itu sa-berapa boleh menjadi benar2.

Latehan "Pony Express" ini

Tawaran saham Dunlop

KUALA LUMPUR — Sharikat getah Dunlop akan mendirikan kilang tayar di-ibu kota ini dengan modal \$12 juta 10% daripada saham2-nya akan di-khaskan bagi orang2 Melayu.

Keputusan untuk mengkhaskan sekian banyak-nya modal kilang tayar itu kepada orang2 Melayu ia-lah sesuai dengan dasar Kerajaan Persekutuan yang sedang menggalakkan orang2 Melayu mengambil bahagian chegas dalam lapangan perdagangan dan perusahaan.

Sharikat itu telah mencapai persetujuan dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendirikan kilang tayar itu.

Kilang itu akan mula mengeluarkan bahan2 buatan-nya dalam tempoh 18 bulan lagi.

Bila kilang itu di-buka, ia akan mengambil 600 orang pekerja untuk mengeluarkan jenis2 tayar bagi motokar, lori, motosikal dan basikal.

Modal yang di-chadangkan bagi membina dan mengusahakan kilang itu ia-lah \$12 juta, 39% daripadanya akan di-buka kepada orang ramai.

membayangkan betapa negara2 pertubuhan SEATO membantu sa-buah negara ahli-nya yang telah meminta bantuan untuk melawan serangan yang di-lancharkan terhadap-nya dan juga memberi peluang bagi pasukan2 yang mengambil bahagian untuk menanam semangat keyakinan bersama, mengenalkan diri mereka dengan peratoran2 gerakan yang berbeza2 dan membiasakan diri mereka dengan kelengkapan2 mereka sama sendiri.

Latehan ini juga boleh di-gunakan saperti lain2 latehan SEATO ia-itu untuk menguatkan lagi semangat muhibbah dan persaudaraan di-antara tentera2 dari negara2 ahli dan juga menambahkan lagi kebolehan mereka untuk bekerja sa-sama sendiri sa-bagai sa-buah pasukan pertahanan yang bersatu.

LAIN2 NEGARA

Sa-lain dari dua buah negara yang menganjorkan latehan tersebut lain2 negara ahli yang mengambil bahagian ia-lah Australia, New Zealand, Philipina dan Siam. Pemerhati2 dari kesemua delapan buah negara yang menjadi ahli telah hadir menyaksikan latehan tersebut.

Ada-lah di-jangka juga bahawa latehan "Pony Express" ini akan merupakan suatu latehan laut yang terbesar dan yang habis lengkap sa-kali sa-umpama-nya yang pernah di-lancharkan oleh SEATO.

TENGKU AKAN HADHIR DALAM SIDANG ASAS DI-BANGKOK

KUALA LUMPUR. — Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman akan menghadhiri persidangan Asas di-Bangkok kira2 awal bulan June akan datang, sa-telah berchuti rehat di-Vietnam.

Beliau akan berangkat pada 28 May ini ka-Vietnam untuk berchuti sa-lama empat hari. Sa-telah itu akan berada di-Bangkok untuk persidangan Asas.

Belum lagi di-ketahui berapa lama Tengku dan rombongan-nya akan berada di-Bangkok.

Sa-belum Tengku tiba di-Bangkok wakil2 Persekutuan untuk menyusun persiapan persidangan Asas itu akan berangkat ka-sana terlebih dahulu.

Menjelaskan soal penubuhan sa-buah Commonwealth negara2 Islam, Tengku menyatakan bahawa pihak Kerajaan Persekutuan belum lagi mengambil inisiatif atau langkah.

"Kita bukan hendak membentuk satu blok negara2 Islam, tetapi lebih sesuai jika saya katakan hendak mengadakan satu macham commonwealth negara2 Islam untuk membincangkan soal2 dan masa'alah2 yang di-hadapi bersama oleh negara2 Islam terutama mengenai keugamaan.

Ia-nya menggunakan pasukan2 kommando atau angkatan lasak, kapal2 indok, penjajap, selam, pembinas pengangkut, penyapu periok api di-pantai2 dan di-darat2, kapal2 terbang penyerang, perunda dan pengakap, helikopter2 dan tentera2 British, Amerika Sharikat, Australia, New Zealand, Philipina dan Siam.

MENCHEGAH MALARIA

JESSELTON. — Suatu ranchangan besar untuk menghapuskan penyakit malaria di-Borneo Utara telah di-shorkan untuk di-lancharkan dalam bulan hadapan telah di-umumkan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. L.J. Clapham.

Bagi melaksanakan ranchangan itu Majlis Undangan telah meluluskan peruntokan sa-banyak \$166,973. Bantuan wang akan di-beri oleh Pertubuhan Kesehatan Dunia dan UNICEF.

Bantuan itu mungkin berjumlah \$2,700,000.

Ranchangan itu di-jadualkan tamat pada hujung tahun 1963 dan di-anggarkan memakan belanja sa-banyak \$4,818,518.

RUNDINGAN KENNEDY SOEKARNO

WASHINGTON. — Presiden Soekarno telah tiba di-Washington untuk mengadakan rundingan2 dengan Presiden Kennedy mengenai tuntutan Indonesia ka-atas Irian Barat.

Pemimpin Indonesia itu akan meminta Amerika Sharikat terus berkechuali dalam pertikaian internasional itu dan mungkin juga meminta simpati Amerika, demikian pegawai2 Indonesia menyatakan di-sini menjelang pertemuan itu.

Dr. Soekarno di-jangka akan meminta Presiden Kennedy supaya jangan mengkaji keadaan di-Indonesia dari segi "pro-Komunis" atau "anti Komunis".

Pegawai2 menyatakan Dr. Soekarno akan menjelaskan bahawa Indonesia sedang berusaha untuk membentuk satu masharakat dan haluan politik-nya mengikut keperibadian-nya sendiri.

Dr. Soekarno telah di-anggap mungkin sa-kali akan meminta President Kennedy mengunjongi negara-nya, sunggoh pun pegawai2 Indonesia menyatakan bahawa mereka faham betapa sibok-nya Presiden itu pada masa ini.

Perdamaian mungkin tercapai di-Laos dalam minggu ini

LONDON. — Laos telah maju sa-langkah ka-araf perdamaian manakala tersiar-nya berita bahawa Britain dan Soviet telah bersejua kepada suatu usul perdamaian tiga syarat.

Sa-telah mengadakan hubungan2 yang berlarut2 di-Moscow, Britain dan Soviet—bertindak sa-laku pengerusi2 bersama sidang Geneva 1954 atas soal Indo-China—telah mencapai persetujuan penoh mengenai rayuan berhenti tembak menembak yang di-jangka akan di-perkenankan oleh kedua2 pihak di-Laos.

Sharat2 persetujuan itu ia-lah: Meminta India menghidupkan sa-mula Surohanjaya Kawalan Antara Bangsa, terdiri dari India,

Canada dan Poland; dan

Mengundang 12 negara lagi menghadhiri suatu sidang 14 negara mengenai Laos di-Geneva pada 12 May.

Duta2 British dan Soviet Union, bertindak bersama2 dimana boleh, telah menyampaikan undangan2 itu kepada kerajaan2 negeri2 yang telah di-undang.

Tuan Nehru telah menubuhkan sa-mula Surohanjaya bagi Laos itu dan telah meminta Canada dan Poland mengirinkan wakil2 ka-suatu sidang tergepar di-New Delhi.

Sa-orang jurubichara di-Kementerian Perkara2 Luar Negeri India menyatakan India telah mengusulkan supaya Surohanjaya itu bersidang.

Di-Vientiane, Duta British, Tuan John Addis, telah menyampaikan rayuan menghentikan tembak menembak kepada kerajaan Prince Boun Oum.

Di-fahamkan Soviet Union telah mengambil tindakan sa-rupa mengenai pihak yang lain itu pula.